

Negeri	Jenis Struktur Komunitas		Jumlah
	Atas Bumbung (Roof-top)	Atas Tanah (Ground)	
Kelantan	127	684	811
Melaka	180	382	562
N. Sembilan	219	501	720
Pahang	246	912	1,158
Perak	462	1,011	1,473
Perlis	20	137	157
P. Pinang	526	237	763
Sabah	321	1,256	1,577
Sarawak	150	1,307	1,457
Selangor	2,521	2,080	4,601
Terengganu	80	781	861
WP KL	1,516	247	1,763
WP Labuan	26	34	60
WP Putrajaya	57	31	80
Jumlah	7,936	12,087	20,023

Namun begitu, maklumat bagi pemilik kepada infrastruktur telekomunikasi tersebut adalah di bawah kendalian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

RT29/470

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
DARIPADA MOHAMAD [LIPIS]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah sebarang pelan tindakan khusus dan komprehensif dalam membantu murid-murid yang gagal semua mata pelajaran dan khususnya mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Sejarah dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memastikan mereka sekurang-kurangnya memiliki sijil SPM di penghujung persekolahan mereka.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Antara usaha dan perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membantu calon yang gagal mendapat sijil SPM ialah individu atau calon tersebut diberi peluang untuk menduduki semula peperiksaan dalam SPM Ulangan (SPMU). Mata pelajaran yang ditawarkan dalam SPMU ialah Bahasa Melayu, Sejarah dan *Mathematics*. Selain itu, calon juga boleh menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian dengan mendaftar sekurang-kurangnya enam (6) mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, *Mathematics*, *Science* dan Pendidikan

Islam (wajib untuk calon yang menganut agama Islam) atau Pendidikan Moral (wajib untuk calon bukan agama Islam). Calon juga boleh mendaftar mata pelajaran lain tetapi pendaftaran mata pelajaran adalah tidak melebihi 12 mata pelajaran.

Selain itu, bagi meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, Kementerian Pendidikan Malaysia, di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025), telah melaksanakan inisiatif 108 - Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu. Matlamat inisiatif ini ialah 90 peratus murid mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu SPM. Inisiatif tersebut memberi tumpuan kepada penguasaan bahasa Melayu melalui penghasilan kit aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang disediakan untuk sekolah rendah dan menengah yang akan dilaksanakan pada sesi persekolahan 2018.

Seterusnya melalui Inisiatif 108 juga akan dihasilkan buku Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 KPM yang akan memberi tumpuan kepada program dan projek yang dapat meningkatkan penguasaan dan penggunaan serta kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan murid.